



KEMPEN JOM ZAKAT SERATUS TERMA & SYARAT

Kempen **Jom Zakat Seratus** (“Kempen”) dianjurkan oleh Zakat Perak Al Ridzuan (“ZAPAR”) dan tertakluk kepada Terma dan Syarat di sini. Dengan menyertai Kempen ini, peserta yang layak secara nyata bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat ini dan sebarang keputusan yang dibuat oleh ZAPAR berkenaan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat ke atas semua peserta.

1. Tempoh Kempen

Kempen ini bermula pada **01 November 2025 jam 12.00 tengah malam (00:00 MYT)** dan akan tamat pada **31 Disember 2025 jam 11.59 malam (23:59 MYT)** (“Tempoh Kempen”).

Sebarang penyertaan yang diterima selepas jam 11.59 malam (23:59 MYT) pada 31 Disember 2025 tidak akan diambil kira bagi kempen ini.

2. Kelayakan

- a) Kempen ini terbuka kepada individu yang menunaikan zakat pendapatan termasuk kakitangan ZAPAR yang mula mendaftar dan menambah pembayaran zakat ke ZAPAR melalui kaedah borang digital pada tempoh kempen dilaksanakan.
- b) Peserta hendaklah membuat penambahan atau pendaftaran baharu dengan jumlah potongan **sekurang-kurangnya RM100.00** bagi melayakkan penyertaan.
- c) Setiap peserta yang melengkapkan borang digital perlu mendapatkan pengesahan majikan (hanya cop terimaan pada salinan borang pengesahan skim potongan zakat bulanan). Peserta hendaklah menghantar salinan borang tersebut kepada pihak ZAPAR melalui e-mel kepada **creativelab@zapar.com.my** bagi tujuan pengesahan penyertaan.
- d) Setiap peserta hanya layak untuk satu penyertaan sahaja bagi keseluruhan tempoh kempen.

3. Mekanisma dan Cara Penyertaan

Peserta perlu melengkapkan semua langkah berikut bagi melayakkan diri menyertai Kempen:

- a) Imbas Kod QR yang tertera pada poster kempen atau terus layari pautan borang skim potongan zakat bulanan digital berikut:
<https://bit.ly/kempenzakat100>
- b) Isi maklumat peribadi lengkap melalui borang digital yang disediakan.
- c) Buat potongan gaji zakat pendapatan dengan jumlah minimum seperti berikut:
 - (i) Pembayar Baharu: Potongan baharu minimum RM100; atau



- (ii) Pembayar Sedia Ada: Penambahan potongan sekurang-kurangnya RM100 daripada jumlah sedia ada.
- d) Hantar borang digital yang telah lengkap diisi dan semak e-mel yang didaftarkan untuk menerima pengesahan serta langkah seterusnya.

4. Pengesahan dan Tindakan Susulan

Peserta yang telah melengkapkan pengisian borang digital dan menghantar permohonan potongan gaji zakat akan menerima maklum balas rasmi daripada ZAPAR seperti berikut:

- a) Peserta akan menerima e-mel pertama sebagai pengesahan bahawa permohonan potongan gaji zakat telah diterima dan diproses oleh ZAPAR.
- b) Peserta akan menerima e-mel kedua **“Untuk Perhatian Majikan**, yang mengandungi makluman potongan gaji zakat bulanan serta salinan borang potongan gaji zakat bulanan untuk dipanjangkan kepada majikan bagi tujuan proses potongan gaji zakat dalam sistem gaji majikan.
- c) Sebarang penyertaan yang tidak melengkapkan semua langkah seperti yang dinyatakan akan dianggap tidak sah dan tidak layak untuk cabutan hadiah.

Nota Makluman

- a) Peserta disarankan untuk menyemak penyata gaji bulanan bagi memastikan potongan zakat telah mula dilaksanakan. Semakan boleh dibuat dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh peserta menyerahkan makluman potongan gaji zakat kepada majikan.
- b) Peserta boleh mengulangi proses permohonan potongan gaji zakat melalui pautan borang digital yang sama sekiranya berhasrat untuk membuat potongan baharu atau menambah kadar potongan sedia ada pada bila-bila masa.

5. Hadiah

Hadiah bagi Kempen ini terbahagi kepada dua kategori:

- a) Hadiah Bulanan (November - Disember)
Sepanjang tempoh kempen, setiap bulan pemenang berpeluang memenangi **tambah nilai Touch ‘n Go eWallet** seperti berikut:

Kategori	Hadiah Bulanan
Tempat Pertama	RM200.00 x 1 orang
Tempat Kedua	RM150.00 x 1 orang
Tempat Ketiga	RM100.00 x 3 orang
Tempat keenam – Kesepuluh	RM50.00 x 5 orang



b) Hadiah Utama

Pemenang hadiah utama akan memenangi peralatan seperti berikut:

Kategori	Hadiah Utama	Bilangan Pemenang
Tempat Pertama	Honor Tablet Pad V9	1 orang
Tempat Kedua	Xiaomi TV A PRO 55" 2026	1 orang
Tempat Ketiga	Xiaomi Robot Vacuum H40	1 orang
Tempat Keempat	Honor Earbuds Open Polar Gold	1 orang
Tempat Kelima	Xiaomi Outdoor Security CCTV	1 orang
Tempat keenam – Kesepuluh	Xiaomi Bluetooth Speaker Mini	5 orang

- c) ZAPAR berhak menukar hadiah wang tunai kepada hadiah bukan tunai dengan nilai setara. Hadiah bukan tunai tidak boleh dipindah milik, ditebus atau ditukar dengan wang tunai (untuk hadiah bukan tunai), atau ditukar dengan barangan lain sama ada sebahagian atau keseluruhannya.
- d) Semua hadiah dan nilai yang telah dinyatakan adalah benar semasa percetakan dan/atau penerbitan. Imej hadiah yang dipaparkan dalam mana-mana bahan pemasaran dan pengiklanan adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin berbeza daripada hadiah sebenar yang diterima.
- e) Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, ZAPAR tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang isu berkaitan hadiah termasuk rupa bentuk, fungsi, atau nilai hadiah, kecuali jika ia berpunca daripada kecuaiian teruk atau perbuatan sengaja oleh ZAPAR.

6. Pemilihan Pemenang & Penyampaian Hadiah

- a) Pemenang bagi kempen ini akan dipilih melalui sistem cabutan daripada peserta yang sah. Setiap peserta yang layak hanya boleh menyertai satu (1) penyertaan sahaja sepanjang tempoh kempen, tertakluk kepada kriteria kelayakan dan pematuhan terma serta syarat kempen.
- b) Pemenang hendaklah memastikan maklumat peribadi mereka terkini, termasuk alamat semasa, nombor telefon bimbit dan alamat e-mel yang sah bagi tujuan pemberitahuan dan pengesahan. ZAPAR akan menghubungi pemenang melalui panggilan telefon, mesej WhatsApp, SMS, e-mel, laman sesawang rasmi, media sosial ZAPAR, atau mana-mana saluran komunikasi lain yang ditetapkan untuk pengesahan maklumat dan penyampaian hadiah.
- c) Sekiranya pemenang gagal dihubungi, tidak menuntut hadiah dalam tempoh yang ditetapkan, menarik diri, atau hilang kelayakan atas apa jua sebab, kemenangan mereka akan dibatalkan dan hadiah boleh diberikan kepada peserta lain yang layak mengikut budi bicara mutlak ZAPAR.



- d) Hadiah-hadiah akan diserahkan atau dihantar kepada pemenang dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja selepas pengumuman pemenang dibuat.
- e) ZAPAR juga berhak meminta dokumen berkaitan atau bukti pengenalan bertulis daripada pemenang sebelum hadiah diserahkan.

7. Terma dan Syarat Am

- a) Peserta yang layak dinasihati untuk membaca dan memahami terma serta syarat kempen sebelum menyertai. Dengan menyertai kempen ini, peserta dianggap bersetuju terikat dengan semua terma dan syarat yang ditetapkan. Melainkan dinyatakan sebaliknya oleh ZAPAR, peserta tidak perlu menandatangani atau mengisi sebarang borang permohonan.
- b) Peserta hendaklah melengkapkan borang digital rasmi ZAPAR serta membuat potongan zakat baharu atau menambah potongan sedia ada dengan jumlah minimum RM100.00 bagi melayakkan penyertaan. Penyertaan yang lengkap secara automatik akan tersenarai sebagai penyertaan layak, tertakluk kepada pengesahan sistem dan semakan akhir oleh ZAPAR.
- c) ZAPAR tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penyertaan yang gagal diterima atau direkodkan akibat isu teknikal seperti gangguan capaian internet, ralat sistem, kesilapan data, atau sebarang masalah luar kawalan ZAPAR.
- d) Potongan zakat bagi tujuan penyertaan kempen ini boleh dibuat melalui platform digital ZAPAR di <https://bit.ly/kempenzakat100>.
- e) Dengan menyertai kempen ini, selaras Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, ZAPAR akan memastikan segala data peribadi peserta dilindungi dengan sewajarnya. Peserta bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh ZAPAR untuk:
 - i. Tujuan pelaksanaan, pengurusan, promosi dan pemasaran kempen; dan
 - ii. menerbitkan atau memaparkan nama dan/atau gambar peserta di dalam media pemasaran atau laman sesawang ZAPAR (mana-mana yang terpakai) yang dinyatakan sesuai bagi tujuan publisiti kempen ini sekiranya berkenaan.
- f) Peserta bersetuju bahawa semua keputusan ZAPAR berhubung pelaksanaan kempen, termasuk pemilihan pemenang dan pemberian hadiah melalui cabutan, adalah muktamad, konklusif dan tidak boleh dipertikaikan. Tiada surat-menyurat, rayuan, atau sebarang bentuk bantahan akan dilayan berkenaan keputusan tersebut.
- g) ZAPAR tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang liabiliti cukai, bayaran, atau pemfailan cukai yang mungkin timbul berikutan penerimaan atau penggunaan hadiah. Segala tanggungjawab berkaitan perkara tersebut adalah di bawah tanggungjawab pemenang sepenuhnya dan pemenang digalakkan mendapatkan nasihat cukai profesional sekiranya perlu.



- h) Hadiah-hadiah dalam kempen ini diberikan “seadanya” (“as is”) dan tidak termasuk sebarang kos lain seperti pengangkutan atau penghantaran, melainkan dinyatakan sebaliknya dalam terma dan syarat ini. ZAPAR tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang perbezaan nilai hadiah disebabkan perubahan harga pasaran pada masa penebusan atau penerimaan hadiah.
- i) Sekiranya mana-mana hadiah yang ditawarkan tidak dapat disediakan atas sebab tertentu, ZAPAR berhak menggantikannya dengan hadiah lain yang mempunyai nilai setara. Sebarang penggantian hadiah akan dimaklumkan sekurang-kurangnya 14 hari lebih awal melalui saluran rasmi seperti emel, mesej bertulis, media sosial atau laman sesawang rasmi ZAPAR.
- j) Pemenang mungkin akan dijemput menghadiri majlis penyampaian hadiah atau majlis seumpamanya (jika ada) pada lokasi dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian. Segala perbelanjaan untuk menghadiri majlis tersebut adalah tanggungjawab sepenuhnya pemenang.
- k) ZAPAR serta mana-mana pegawai, kakitangan dan wakilnya tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang:
 - (i) kesilapan fakta, kecederaan, kehilangan nyawa atau kerugian harta benda yang timbul daripada penyertaan atau penerimaan hadiah kempen ini;
 - (ii) kerugian, kerosakan, atau apa-apa kecederaan peribadi dan/atau apa-apa yang dialami oleh peserta berhubung dengan penyertaan dalam kempen, penggunaan hadiah, atau perjalanan untuk menebus hadiah; dan
 - (iii) urusan di luar bidang dan kawalan ZAPAR dalam pentadbiran atau pemprosesan kempen ini.
- l) ZAPAR berhak mengubah, melanjutkan atau menamatkan tempoh kempen atau tempoh mana-mana aktiviti mingguan pada bila-bila masa dengan notis sewajarnya melalui laman sesawang rasmi, media sosial, atau saluran komunikasi lain. Peserta tidak berhak menuntut sebarang pampasan akibat pembatalan, penamatan, atau penggantungan kempen. Peserta digalakkan menyemak laman sesawang rasmi ZAPAR dari semasa ke semasa untuk memastikan maklumat terkini mengenai sebarang perubahan atau pindaan terma dan syarat kempen.
- m) Peserta bertanggungjawab memastikan nombor telefon, alamat e-mel, dan alamat surat-menyurat mereka terkini. ZAPAR tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian akibat maklumat peserta yang tidak tepat atau tidak dikemaskini.
- n) Sekiranya terdapat sebarang ketidaksejajaran antara terma dan syarat kempen ini dengan bahan pengiklanan atau promosi lain, terma dan syarat kempen ini hendaklah diguna pakai.
- o) Semua terma dan syarat ini tertakluk dan akan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia, dan peserta bersetuju untuk terikat dengan bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Malaysia.



Untuk maklumat, pertanyaan, dan/atau maklum balas berkaitan dengan kempen ini, peserta boleh menghubungi talian rasmi 011-6748 9000/019-229 4780 atau e-mel rasmi creativelab@zapar.com.my.